

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO LEUNG [ALOR SETAR]
TARIKH : -
SOALAN : 117**

Tuan Gooi Hsiao Leung [Alor Setar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada tender untuk pembinaan Hospital Pendang sudah dilaksanakan, sekiranya ada, nyatakan kepada siapa kontrak telah dianugerahkan, jumlah kontrak dan bila pembinaan hospital tersebut akan disiapkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Hospital Pendang, Kedah dengan 126 katil telah ditender pada **22 Disember 2017** secara tender terhad kepada empat (4) kontraktor. dan pada masa ini masih di peringkat penilaian tender oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku Agensi Pelaksana Projek ini. Memandangkan belum ada keputusan berkenaan tender projek ini, maka belum dapat ditentukan kontraktor yang berjaya.

RT10/118

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN GOOI HSIAO LEUNG
DARIPADA [ALOR SETAR]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Gooi Hsiao Leung [Alor Setar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kenapa sehingga hari ini Kerajaan Negeri Kedah masih gagal mengenal pasti tanah untuk pembinaan SMJK Keat Hwa 3 di Pokok Sena, dan nyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk mendesak kerajaan negeri bertindak supaya pembinaan sekolah dapat dimulakan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Perbincangan bagi mengenal pasti tapak SMJK Keat Hwa 3 telah diadakan dalam pertemuan bersama-sama pegawai Unit Pembangunan JPN Kedah dan PPD Kota Setar serta turut dihadiri pegawai Sektor Pengurusan Sekolah JPN Kedah. Hasil perbincangan, beberapa tapak yang telah dicadangkan didapati tidak memenuhi keperluan dan kriteria yang ditetapkan. JPN Kedah dan PPD Kota Setar masih berusaha mengenal pasti tapak yang sesuai di kawasan Parlimen Pokok Sena.

RT10/118